



UiTM@Media **2016**

Karya Inovasi



UiTM@Media
2016

Siswa UiTM TINJAU TEKNOLOGI JEPUN



RENCANA

Teks dan foto D J Dolasoh
rencana@hmetro.com.my

Pendedahan pelbagai teknologi terkini terutama kejuruteraan dan inovasi dari negara maju kepada generasi Y memberi impak besar terhadap kemajuan teknologi di negara ini.

Justeru, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam menghantar 20 pelajar ke Jepun baru-baru ini, untuk memberi pendedahan mengenai perkembangan pelbagai teknologi di negara itu yang berkembang paling pesat di rantau ini.

Program julung kali anjuran Kolej Anggerik dengan sokongan Bahagian Hal Ehwal Pelajar UiTM selama enam hari bertema 'We Love We Care' itu diketuai Pengerusi Kolej Siti Hafshah Zulkarnain dirancang antara pusat pengajian tinggi kedua-dua negara ini.

Pengarah Program Nur Amni Kamaruzaman berkata, usaha itu bukan saja mendedahkan pelajar universiti awam (UA) seperti UiTM dengan sistem pendidikan di Jepun, tetapi dapat merapatkan hubungan baik sedia terjalin antara kedua-dua negara.

"Antara objektif program ialah mewujudkan platform bagi aktiviti, program dan interaksi di peringkat antarabangsa dengan memfokuskan sistem pendidikan berteraskan teknologi di Jepun."

"Kami diberi peluang berinteraksi dengan Insti-

Diberi peluang berinteraksi dengan Institut Teknologi Shibaura dan mendalami sistem akademik



SERAMAI 20 pelajar UiTM Shah Alam mengadakan kunjungan di Jepun, baru-baru ini.

tut Teknologi Shibaura dan mendalami sistem akademik dengan keutamaan terhadap teknologi kejuruteraan dan inovasi di Jepun selain perkembangan industri di negara itu," katanya.

Menurutnya, mereka juga mengadakan kunjungan ke pejabat Kedutaan Besar Malaysia di Jepun, bertukar pengalaman dan mengadakan aktiviti kemasyarakatan bersama komuniti Islam di sekitar Masjid Tokyo Camii.

Katanya, ketika ke pejabat Kedutaan Besar Malaysia, mereka mengambil peluang berbincang mengenai isu semasa membabitkan perkongsian idea dan amalan terbaik dalam praktik pendidikan, kepimpinan, pergerakan persatuan pelajar dan budaya antara kedua-dua negara.

"Kami turut melawat beberapa tempat menarik di Jepun seperti Gunung Fuji, Ginza, Menara Tokyo, Akihabara dan Disneyland yang

menjadi pengalaman berharga dan mengambil kesempatan memperkenalkan budaya kita ke pentas antarabangsa," katanya.

Sementara itu, Siti Hafshah Zulkarnain berkata, program itu bukan sekadar menjana pemikiran lebih kreatif, kritis dan perbandingan jauh, tetapi mewujudkan pengantarabangsaan dalam kalangan pelajar di negara ini khususnya pelajar UiTM.

"Program ini wadah terbaik untuk siswa menambah ilmu dan pengalaman di samping memahami budaya masyarakat Jepun yang rajin, beretika dan bertanggungjawab termasuk dalam menjaga kebersihan."

"Tidak rugi kita belajar daripada kemajuan dan kecemerlangan masyarakat Jepun terutama untuk disemai kepada generasi Y dalam kalangan pelajar universiti kerana mereka penentu kepada kemajuan dan kemakmuran negara pada masa depan," katanya.

- **Penasihat**

Profesor Emeritus Dato' Dr Hassan Said
Naib Canselor

- **Ketua Projek**

Alfina Bakar

- **Pengurus Produksi**

Darus Kasim
Rosly Mahmud

- **Penyelaras Bahan Akhbar**

Firdaus Abd Hanan
Hanisah Yacob
Datin Umminalah Salleh

- **Pembantu**

Penyelaras Bahan Akhbar

Hazizi Jantan
Nor Azlina Nordin
Samsinah Selamat
Raja Nazrul Raja Hisham

- **Pereka Grafik Utama**

Junaidy Talib

- **Pereka Grafik**

Rosdi Abdul Hamid
Mohd Nor Firdaus Mohd Isa

- **Sumber Keratan Akhbar**

Utusan Malaysia, Mingguan Malaysia, Berita Harian, Berita Minggu,
New Straits Times, The Star, Sunday Star, The Sun, Star Metro,
Kosmo, Harian Metro, Sinar Harian.

